TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

SESI LUNCHEON BERSAMA KONTINJEN TVET@KKDW KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS SHANGHAI 2026

PADA

13 JULAI 2026 (ISNIN)

BERTEMPAT DI

SERI PACIFIC HOTEL KUALA LUMPUR

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Sejarah pembangunan dunia membuktikan bahawa negara yang benar-benar maju tidak hanya dibina oleh kekayaan sumber alam atau kehebatan dasar ekonomi semata-mata. Negara maju dibina oleh manusia yang memiliki ilmu, kemahiran, disiplin, kreativiti dan keberanian untuk berinovasi.

2. Kita lihat negara Jepun, mereka bangkit dengan budaya ketelitian dan teknologi. Jerman pula maju dengan kekuatan sistem latihan kemahiran dan industri. Korea Selatan berubah daripada negara membangun kepada kuasa teknologi kerana mereka berani melabur kepada bakat, kemahiran dan inovasi anak mudanya.

3. Inilah makna besar TVET kepada Malaysia. Alhamdulillah, momentum TVET negara hari ini semakin meyakinkan.

Pada tahun 2025, seramai 229,121 lepasan SPM dan setara, iaitu 56.86 peratus, telah memilih laluan TVET. Jumlah enrolmen TVET negara pula mencecah 459,558 pelajar, manakala kadar kebolehpasaran graduan TVET meningkat kepada 95.9 peratus. Ini membuktikan bahawa anak muda Malaysia sudah mula melihat TVET sebagai laluan kejayaan, laluan kerjaya dan laluan masa depan.

4. Maka apabila kita berkumpul pada hari ini bersama Kontinjen TVET@KKDW ke Pertandingan WorldSkills Shanghai 2026, kita sebenarnya sedang meraikan sesuatu yang lebih besar daripada sebuah pertandingan. Kita sedang meraikan keyakinan negara terhadap bakat anak muda.

5. Saya mahu saudara dan saudari berangkat ke Shanghai nanti dengan satu keyakinan bahawa dunia mungkin melihat Malaysia sebagai negara yang sedang membina masa depan berasaskan kemahiran, teknologi dan inovasi. Tetapi melalui kejayaan saudara dan saudari, dunia akan melihat bahawa masa depan itu sudah pun bermula.

TVET@KKDW: MENGANGKAT ANAK DESA KE PENTAS DUNIA

Hadirin sekalian,

6. Kali ini, sekali lagi kita meletakkan harapan kepada 22 orang yang akan bertanding dalam 21 bidang kemahiran, termasuklah **9 orang peserta daripada institusi TVET di bawah KKDW** iaitu dari **TVETMARA, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan GIATMARA.**

7. Melalui 9 wakil peserta di bawah TVET@KKDW, tentunya membuktikan bahawa kejayaan TVET@KKDW bukan hanya diukur pada bilangan institusi, jumlah kursus atau angka enrolmen semata-mata. Kejayaan sebenar TVET@KKDW ialah apabila seorang anak desa yang dahulu mungkin terbatas oleh geografi, ekonomi dan peluang, akhirnya mampu berdiri di pentas dunia dengan kemahiran, keyakinan dan maruah diri.

8. Tentunya para kontinjen yang berada di hadapan saya pada hari ini menjadi bukti bahawa bakat anak Malaysia tidak pernah kurang. Yang perlu kita lakukan ialah memberi ruang, latihan, bimbingan dan kepercayaan. Apabila semua ini diberikan, anak desa bukan sahaja mampu berjaya di

kampung sendiri, tetapi mampu membawa nama negara ke Shanghai dan ke pentas dunia.

MEMBURU KEJAYAAN: DISIPLIN, FOKUS DAN MENTALITI JUARA

9. ***WorldSkills Competitions are the gold standard of skills excellence.*** Namun, kita harus berani mengakui satu hakikat, **selepas sekian lama kita bertanding sejak tahun 1993, pingat tertinggi yang pernah dirangkul oleh peserta Malaysia masih lagi pingat Gangsa.**

10. Ini menunjukkan bahawa persaingan di pentas antarabangsa tidak cukup dengan bakat sahaja. Kemahiran mesti diasah dengan disiplin. Keyakinan mesti dibina dengan latihan. Dan impian untuk menang mesti diterjemahkan melalui persediaan yang rapi, tersusun dan berstrategi.

11. Oleh itu, saya ingin menitipkan beberapa pesanan kepada kontinjen Malaysia, khususnya kepada peserta TVET@KKDW yang akan membawa cabaran negara.

12. **Pertama, kuasai standard pertandingan bertaraf dunia**. Di WorldSkills, perbezaan antara juara dan peserta biasa

kadang-kadang hanya terletak pada perincian kecil seperti ukuran yang lebih tepat, kemasan yang lebih halus, masa yang lebih pantas dan keputusan teknikal yang lebih bijak.

13. **Kedua, bina kekuatan mental dan ketahanan emosi**. Saudara dan saudari akan bertanding dalam suasana tekanan yang tinggi, masa yang terhad dan penilaian yang sangat ketat. Dalam keadaan itu, tangan yang mahir sahaja tidak cukup. Yang lebih penting ialah minda yang tenang, jiwa yang cekal dan kemampuan untuk terus fokus walaupun berdepan cabaran.

14. **Ketiga, jadikan kreativiti dan inovasi sebagai kelebihan Malaysia**. Anda bukan sekadar menyelesaikan tugasan, tetapi sebenarnya sedang mempamerkan kehebatan anak Malaysia, mampu menghasilkan kerja yang kemas, bijak, kreatif dan mempunyai sentuhan inovasi tersendiri.

15. Dalam masa yang sama, jadikan jurulatih sebagai rakan strategi. Dengar teguran mereka, perbaiki kelemahan, ulang latihan, dan jangan cepat berpuas hati sebelum benar-benar mencapai tahap terbaik.

16. Saya percaya, dengan disiplin latihan, kekuatan mental, kreativiti, semangat berpasukan dan doa seluruh rakyat

Malaysia, kontinjen kita mampu membawa pulang kejayaan yang membanggakan negara.

MENGGERAKKAN AGENDA TVET 2.0

Hadirin sekalian,

17. Saya tahu, dalam perjalanan menuju WorldSkills Shanghai 2026, kita tidak boleh hanya melihat kepada peserta yang akan bertanding. Di sebalik ketajaman kemahiran mereka, ada insan-insan hebat yang bekerja tanpa banyak sorotan. Mereka ialah para jurulatih, tenaga pengajar, pakar negara, warga kerja institusi TVET dan seluruh pasukan strategi yang menjadi tulang belakang kepada persediaan kontinjen negara.

18. Merekalah arkitek sebenar yang menjadikan **anak-anak TVET KKDW *raise the bar and always stay ahead of the game***. Mereka membimbing, mengasah disiplin, membetulkan kelemahan, membina keyakinan dan memastikan anak-anak TVET@KKDW sentiasa mampu menaikkan standard serta berada di hadapan dalam ekosistem TVET negara.

19. Atas dasar itu, saya ingin menegaskan bahawa **TVET KKDW perlu dan wajib menerapkan agenda TVET 2.0**

secara menyeluruh. TVET 2.0 bukan sekadar evolusi pada nama. Ia adalah transformasi digital, integrasi automasi pintar, robotik, penerapan *Artificial Intelligence* (AI), serta penguasaan kemahiran teknologi tinggi (*high-tech*) dan hijau (*green skills*) yang menjadi nadi industri masa kini.

20. Melalui penerapan TVET 2.0, kita bukan sahaja mahu anak-anak luar bandar mahir mengendalikan mesin, tetapi kita juga mahu mereka menjadi **pencipta teknologi, pakar analitik data, dan penyelesai masalah bertaraf dunia.** Inilah wadah baharu KKDW untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja kebolehpasaran yang tinggi, malah mampu bersaing secara *competitive* di pentas global seperti WorldSkills Shanghai nanti!

PENGHARGAAN KEPADA WIRA DI SEBALIK KEJAYAAN TVET@KKDW

21. Sebab itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jurulatih dan warga kerja institusi TVET yang telah memberikan komitmen luar biasa sepanjang tempoh persediaan ini. Kejayaan peserta bukan lahir dalam sehari. Ia lahir daripada latihan yang berulang, teguran yang membina, kesabaran yang panjang dan

kepercayaan bahawa anak-anak kita mampu bersaing di peringkat dunia.

22. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada **Technologist Ahmad Hamdi bin Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif GIATMARA, yang telah dilantik sebagai Strategic Team Leader Kontinjen Malaysia**. Pelantikan ini adalah pengiktirafan terhadap pengalaman, kepimpinan dan keupayaan beliau untuk menyusun strategi luar biasa dalam misi memburu kejayaan di Shanghai.

23. Saya juga ingin mengucapkan **tahniah kepada tujuh orang Pakar Negara daripada institusi TVET@KKDW yang telah dilantik sebagai juri di WorldSkills Shanghai 2026**. Pelantikan ini adalah satu pengiktirafan dunia terhadap kepakaran, kredibiliti dan integriti yang dimiliki oleh warga TVET@KKDW. Saudara dan saudari bukan sahaja membawa nama institusi, tetapi membawa tanda aras Malaysia untuk dinilai dan dihormati di pentas antarabangsa.

24. Kepada ketua-ketua agensi dan seluruh institusi TVET di bawah ekosistem KKDW, saya mahu semangat kecemerlangan ini diperluaskan. Kecemerlangan antarabangsa tidak boleh hanya terhenti kepada

TVETMARA, UniKL dan GIATMARA. Institusi di bawah KEMAS, JAKOA, RISDA, FELCRA serta Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEDA, PERDA dan KETENGAH juga mesti digerakkan untuk mencapai standard yang sama.

25. **Saya juga akan terus mengamanahkan YB Datuk Rubiah Haji Wang, Timbalan Menteri KKDW, untuk menjadi pakar motivasi utama kepada peserta-peserta WorldSkills kita dan memastikan** persediaan mental kontinjen kita sentiasa berada pada tahap yang paling optimum.

26. Dan sebagai bukti sokongan padu, **saya akan menyediakan ganjaran kepada peserta TVET KKDW yang berjaya merangkul pingat emas di WorldSkills Shanghai nanti.** Ini adalah sebagai satu suntikan motivasi tambahan untuk anda terus berjuang habis-habisan demi memikul nama Malaysia dan **membawa pulang EMAS PERTAMA untuk negara**.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

27. Saya amat-amat yakin dengan dedikasi para peserta, jurulatih, Pakar Negara, kepimpinan pasukan strategi dan komitmen seluruh institusi TVET@KKDW pada pertandingan WorldSkills Shanghai 2026 kali ini.

28. Ingat, keberadaan anda di Shanghai nanti bukan lagi untuk mencuba nasib, sebaliknya anda berada di sana dengan tekad untuk mencipta kejayaan. Anda mesti membuktikan bahawa TVET Malaysia, khususnya TVET@KKDW, mempunyai standard, keberanian dan keupayaan untuk berdiri di barisan hadapan dunia.

29. Gunakan baki waktu yang ada ini untuk memperkemaskan setiap inci kemahiran. Berjuanglah dengan penuh kesungguhan, bawa pulang kejayaan emas, dan buktikan kehebatan anak-anak TVET KKDW adalah kepakaran kelas dunia!

"Gegarkan Shanghai, Bawa Pulang Emas!
***Let's Prove Malaysian Skills are World-Class*!"**

30. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, **saya dengan ini mendoakan dan melepaskan Kontinjen TVET@KKDW ke pertandingan WorldSkills Shanghai 2026**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.